

Badan Melayu bantu baiki pencapaian

15 Nov 2014

Berita Harian

BADAN Melayu/Islam telah lama giat membantu pelajar Melayu mempertingkatkan pencapaian mereka dalam pelajaran.

Usaha itu telah membuahkan hasil dengan pelajar Melayu mencapai banyak kemajuan berbanding masa lalu.

Antara usaha utama yang telah dan masih dijalankan ialah Skim Tuisyen Mendaki (MTS), yang dikendalikan Yayasan Mendaki sejak 1982.

MTS menyediakan program tuisyen termampu bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains untuk pelajar darjah satu hingga menengah lima.

Mendaki juga mengadakan program sampingan sebagai tambahan kepada MTS. Ini termasuk seminar dan klinik ulang kaji intensif bagi pelajar yang bakal menduduki Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) dan GCE peringkat 'O'.

Seminar bagi murid darjah enam dan klinik ulang kaji bagi pelajar GCE 'O' itu dibuka kepada pelajar dan bukan pelajar MTS.

Kini Mendaki juga memberi penekanan pada pelajaran Sains, selain Matematik. Ia telah memulakan inisiatif Tuisyen Sains Modular sebagai tambahan kepada MTS.

Program itu membantu pelajar memahami konsep Sains dan mendapatkan kemahiran proses sambil belajar strategi bijak peperiksaan.

Bagi pelajar maktab rendah dan prauniversiti, Mendaki menyediakan sokongan akademik bagi meningkatkan kelakonan pelajar dalam mata pelajaran terpilih, seperti Kertas Am, Ekonomi, Kimia, Fizik dan Matematik.

Mendaki juga menjalankan program berasaskan matematik Maju Minda Matematika (Tiga M) yang disasarkan pada keluarga yang mempunyai anak berusia empat hingga tujuh tahun.

Ia bertujuan memperkasa ibu bapa dengan kemahiran mendidik anak, khususnya dalam keupayaan mengira, membaca dan berfikir.

Selain itu, Mendaki menggembeng tenaga dengan badan Melayu/Islam seperti Rumah Kebajikan Muhammadiyah dan Darul Ihsan bagi mengendalikan kelas MTS dan dengan Jawatankuasa Penduduk (RC) untuk mengelolakan 'Homework Cafe', atau 'Kafe Kerja Sekolah'.

Angkatan Karyawan Islam (AMP) pula antara lain menjalankan Program Memperkasa Belia (YEP) yang menawarkan bimbingan akademik bagi Matematik dan Sains untuk pelajar aliran Normal Akademik dan Normal Teknikal.

Bimbingan akademik itu digandingkan dengan program pembangunan watak.

Peserta juga boleh mengikuti kursus persediaan bagi GCE peringkat 'N'.